

Headline **UMP, FRIM jalin kenasama Biojisim**
Date **30 Nov 2009**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **6**
Article Size **307 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,689**
PRValue **5,066**



UMP, FRIM jalin kerjasama Biojisim

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalin kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam bidang penggunaan Biojisim.

Naib Canselor UMP Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, kerjasama membabitkan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli UMP itu, merangkumi penggunaan biojisim untuk pembangunan teknologi dan juga produk-produk bernilai tambah terutamanya biotenağa dan biokomposit.

Menurutnya, kerjasama itu merangkumi pelbagai aspek penyelidikan termasuk penggunaan semula sisa perindustrian, pertanian dan perhutanan bagi penghasilan tenaga alternatif demi memelihara alam sekitar melalui teknologi terkini.

"Selain bidang penyelidikan, kedua-dua pihak juga berpeluang meningkatkan teknologi, membangunkan modal insan dan berkongsi pengetahuan selain mengkomersialkan produk," katanya baru-baru ini.

Pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) itu, UMP diwakili Naib Daing Nasir Ibrahim, FRIM diwakili Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Majlis berkenaan diadakan sempena perasmian Seminar on Biomass for Biofuels and Value-Added Products 2009, anjuran bersama UMP dan FRIM bertempat di The Saujana Kuala Lumpur, yang turut disaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Zol Azha Yusof.

Beliau berkata, seminar dua hari bertemakan "Towards Efficient Utilization of Biomass" yang dianjurkan bersama FRIM dan UMP itu bertujuan meningkatkan kesedaran tentang potensi penggunaan biomass, menyedia-

kan forum untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan serta berkongsi penemuan-penemuan penyelidikan terkini dengan sektor swasta, pihak industri, penggubal polisi serta para penyelidik.

Menurutnya, kerjasama tersebut adalah relevan kerana UMP mempunyai kepakaran dalam bidang biojisim dan FRIM juga menjalankan penyelidikan dalam bidang bioteknologi yang berkaitan pemprosesan dan penghasilan produk berasaskan biojisim.

"UMP melalui pelan Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) juga telah dijadikan sebagai Pusat Kecemerlangan (COE) bagi bidang 'Biofuel and Biodegradable Products'.

"Dengan kepakaran dan sumber yang dimiliki kedua-dua pihak, saya yakin jalinan kerjasama yang kukuh dapat dijalinan," ujarnya.

Seminar yang disertai seramai 130 orang daripada 21 syarikat swasta, 13 agensi kerajaan dan 15 universiti itu juga memberi peluang kepada para penyelidik, pihak industri dan penggubal polisi untuk mengkaji peluang kerjasama serta meningkatkan rangkaian kerjasama.



● Pertukaran dokumen perjanjian antara pihak UMP yang diwakili Naib Daing Nasir Ibrahim (kanan) dan FRIM yang diwakili Abd Latif Mohmod (kiri) pada satu majlis MoU antara kedua-dua organisasi itu.